

## **ANALISIS FAKTOR DOMINAN TERHADAP TINGKAH LAKU PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR**

### **ANALYSIS OF PROMINENT PREDICTOR ON SECONDARY SCHOOL STUDENTS' BEHAVIOR IN SELANGOR**

Sabarnur Abd Radzak, Amna Md Noor, Azlina Mohd Kfir and Muhd. Dhamir Audi Azizul\*

*Department of Accounting and Finance, Faculty of Economics and Management Universiti Putra Malaysia Serdang 43400 Selangor, Malaysia.*

\*Corresponding author [audiazizul91@gmail.com](mailto:audiazizul91@gmail.com)

Received: 20<sup>th</sup> July 2023

Received in revised form: 15<sup>th</sup> June 2023

Accepted: 18<sup>th</sup> September 2023

Published: 28<sup>th</sup> December 2023

#### **Abstrak**

Mutakhir ini, masalah sosial remaja begitu membimbangkan sehingga berita mengenai salah laku remaja sentiasa membanjiri di dada akhbar tempatan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor penentu unik terhadap tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. Pendekatan kuantitatif dan rekabentuk tinjauan digunakan secara analisis inferensi. Seramai 400 orang pelajar sekolah yang berumur 14 dan 16 tahun dari lapan buah sekolah menengah di negeri Selangor telah terlibat dalam kajian ini. Pengumpulan data kajian adalah melalui soal selidik yang ditadbir sendiri dan persampelan rawak sistematis telah digunakan dalam pemilihan responden. Satu set soal selidik yang merangkumi gabungan beberapa skala telah digunakan, dimana pengukuran faktor sekolah yang merangkumi budaya dan iklim sekolah melibatkan (*Inventory of Parents and Peer Attachment (IPPA), Questions of Teacher's Interaction (QTI), School Self-Review Tools (SSRT), and Multidimensional Scale of Perceived Social Support Zimet*). Pengukuran konsep kendiri menggunakan *Self-Concept Individual Protective Factors Index* dan tingkah laku menggunakan *ASEBA School-Age Youth Self Report (YSR)*. Hasil analisis regresi menunjukkan faktor peramal unik terhadap subskala tingkah laku adalah seperti berikut; faktor peramal unik terhadap kebimbangan adalah jantina, hubungan antara pelajar dan konsep kendiri, faktor peramal unik bagi menarik diri adalah jantina dan hubungan antara pelajar dengan pelajar, faktor peramal unik bagi masalah somatik adalah jantina dan konsep kendiri. Faktor peramal unik bagi tingkah laku agresif adalah konsep kendiri, jantina dan hubungan guru dengan pelajar, faktor peramal unik bagi tingkah laku melanggar peraturan adalah konsep kendiri dan jantina. Kesimpulannya, program intervensi khusus perlu dilaksanakan melibatkan intervensi bersama ibu bapa atau penjaga, kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), pemantapan sahsiah pelajar, jenis dendaan dan cara teguran yang diberikan kepada pelajar. Akhir sekali, penyelidik berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada sekolah, ibu bapa, dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi masalah sosial dalam kalangan remaja.

**Kata kunci:** Remaja, Konsep kendiri, Tingkah laku luaran, tingkah laku dalam, Delinkuensi

#### **Abstract**

Recently, social problems among teenagers extremely discussed and became a major news in the local newspapers. This aim of the present study is to identify predictor of behavior among secondary school students in Selangor. Quantitative approach and survey design were employed in this study. A total of 400 school students aged 14 and 16 from eight secondary schools in the state of Selangor were involved in this study. Data collection procedure was acquired through self-administered questionnaires and systematic random sampling has been used in the selection of respondents. A single questionnaire that linking several scales was utilized, in which measurements of school factors involved (*Inventory of Parents and Peer Attachment (IPPA), Questions of Teacher's Interaction (QTI), School Self-Review Tools (SSRT), and Multidimensional Scale of Perceived Social Support Zimet*). Self-concept dimension was measured using *Self-Concept Individual Protective Factors Index* meanwhile internalizing and externalizing behaviors using *ASEBA School-Age Youth Self Report (YSR)*. The results of the regression analysis show that the prominent predictor for the internal and external behavior subscales are as follows; the unique predictor factor for anxiety is gender, the relationship between students and self-concept, the unique predictor factor for withdrawal is gender, and the relationship between students and students, the unique predictor factor for somatic problems is gender and self-concept. Unique predictors of aggressive behavior are self-concept, gender, and teacher-student relationships. Lastly, unique predictors of rule-breaking behavior were self-concept and gender. In conclusion, a specific intervention program needs to be implemented involving intervention with parents or guardians, cooperation of the Parent and Teacher Association (PIBG), strengthening the character of students, types of punishment and methods of reprimands given to students. Finally, the researchers hope that this study can benefit schools, parents, and the Malaysian Ministry of Education to overcome social problem among teenagers.

**Keywords:** Adolescent, Self-concept, External behavior, internal behavior, Delinquency

© 2023 UTM Press. All rights reserved

## ■ 1.0 PENGENALAN

Pelajar mempunyai potensi tinggi untuk menyumbang secara positif terhadap diri, keluarga dan masyarakat. Menurut Huitt (2004) pelajar berupaya menjadi rakan pembangunan negara melalui bimbingan yang konsisten kesan daripada proses pembelajaran dan pendidikan berkesan. Di Malaysia, sistem pembelajaran yang ada menyebabkan setiap individu menghabiskan satu pertiga dari usia mereka di sekolah, bermula dengan pendidikan pra sekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan lepasan menengah dan pendidikan tinggi (Huitt, 2004). Berpanduan jangka masa persekolahan ini jelas kepada kita sistem sekolah dan proses yang berlaku di dalamnya adalah sama penting dengan sistem keluarga dan masyarakat bagi membentuk tingkah laku dalam dan luaran pelajar.

Selain sistem keluarga, persekitaran dan faktor sekolah adalah yang paling dekat dengan pelajar. Hasil kajian oleh Allen-Meares (2007), mendapat bahawa persekitaran sekolah memainkan peranan utama dalam pembangunan sosial pelajar. Memperkasakan sekolah sebagai lokasi menyalurkan pendidikan dan menyediakan perkhidmatan sosial yang boleh meningkatkan pembangunan diri ialah pendekatan yang berkesan dalam menghasilkan individu yang bertanggungjawab, bermoral dan boleh menangani masalah sosial pelajar Howard, Allen-Meares, & Ruffolo, (2003). Kenyataan ini turut disokong oleh Allen-Meares (2007) iaitu salah satu cara yang efektif dalam mengesan dan menangani masalah sosial dalam kalangan pelajar adalah dengan memberi penekanan kepada budaya dan iklim sekolah.

Persoalan isu kemerosotan akhlak dan disiplin pelajar sering kali menjadi perbualan hangat isu semasa dan seterusnya melahirkan gambaran negatif kepada sistem pelajaran. Tumpuan yang sangat mendalam terhadap kandungan pelajaran, kewajipan dalam mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan, penghususan yang terhad dan tumpuan kepada perkembangan intelek serta kemahiran semata-mata merupakan sebab mengapa kemerosotan akhlak dan disiplin terjadi. Akhirnya, aspek pembinaan sikap, akhlak, dan disiplin diabaikan.

Oleh hal demikian, pelaksanaan disiplin sangat penting dalam melahirkan persekitaran sekolah yang harmoni dan selesa. Kaur et. al., (2022) menyatakan budaya sekolah sangat berkaitan dengan disiplin sekolah. Sekiranya budaya sekolah berkeadaan baik, maka terciptalah disiplin yang baik. Umumnya, Malaysia telah melakukan pelbagai program dan kaedah untuk memperkuuhkan budaya sekolah yang baik. Konsep sinergi di antara guru-guru, ibu bapa, guru-guru, dan staf sokongan telah meningkatkan imej budaya sekolah di Malaysia ke tahap yang lebih baik. Namun, melihat kepada statistik pengibatan pelajar dalam aktiviti delinkuen yang semakin membimbangkan, maka usaha untuk memantapkan budaya sekolah yang cemerlang serta kondusif harus dipergiatkan lagi.

Pada abad ke-21 ini, konsep budaya sekolah dilihat dinamik selari dengan kemajuan zaman kini. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 memperincikan budaya kecemerlangan berteraskan kepimpinan rakan sekerja wajar dilaksanakan di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Kenyataan tersebut jelas menegaskan bahawa faktor sekolah merupakan elemen penting dan perlu dibentuk dengan kaedah yang baik supaya tidak berlaku kepincangan kelak (Kaplan & Harvey., 2013).

## ■ 2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor penentu unik terhadap tingkah laku terhadap 400 pelajar sekolah menengah di Selangor. Kajian ini berpotensi dalam mencadangkan sebuah rangka kerja (legal framework) yang merangkumi pendekatan hak asasi manusia dalam menjamin akses kepada perkhidmatan demi kepentingan pelajar. Tidak dinafikan, kajian ini secara langsung dapat melahirkan piawaian kualiti kebangsaan untuk perkhidmatan penjagaan responsif pelajar yang baik secara teknikal kepada pelajar. Perkara ini dapat dilakukan dengan meningkatkan kecekapan perkhidmatan manusia kepada pelajar dan mengerakkan intervensi di dalam platform sekolah, tenaga kerja profesional lain termasuk model kepimpinan, untuk meningkatkan kualiti dan permintaan perkhidmatan pelajar. Kajian ini diharap dapat membantu usaha menambah baik sistem persekolahan bagi pelajar yang berisiko, menyediakan fokus dan tujuan sekolah yang jelas kerana budaya sekolah menjadi faktor penting bagi mengikat ahli agar bersama-sama menjayakan misi sekolah.

## ■ 3.0 SOROTAN KAJIAN

Penyelidikan terdahulu mendapat bahawa masalah tingkah laku bermula zaman kanak-kanak boleh memberi impak kepada individu ketika remaja dan dewasa. Di Amerika Syarikat, masalah tingkah laku luaran dan dalaman pelajar, masalah jenayah rakan sebaya, penyalahgunaan dadah, dan jenayah kejiranran merupakan faktor yang meramalkan tingkah laku keganasan ketika dewasa (Arslan & Coşkun, 2022). Walaupun terdapat pelajar yang berjaya mengatasi masalah salah laku apabila dewasa, namun masih terdapat pelajar yang masih mengalami masalah kesihatan mental yang kronik, masalah akademik, masalah untuk mencari pekerjaan, dan terlibat dalam aktiviti delinkuen (Cruwys et al., 2022). Tambahan pula akan menyebabkan kesan jangka panjang seperti penyalahgunaan bahan, kebimbangan, dan gangguan emosi ketika dewasa (Arslan & Allen, 2022). Di Malaysia, pelbagai kes jenayah yang melibatkan masalah tingkah laku dalaman dan luaran telah diteliti sepenuhnya seperti pornografi, (Arslan & Allen, 2022; Arslan & Cocskun, 2022), dan ketagihan dadah (Asanjarani et. al., 2022) dalam kalangan pelajar akibat kepekaan terhadap masalah juvana yang meningkat (Veríssimo & Glikman, 2020). Dalam sesetengah kes, perubahan ini boleh menyumbang kepada kemunculan masalah tingkah laku luaran dan dalaman seperti agresif kepada rakan sebaya (Cruwys et al., 2022).

Saunders et. al., (2022) mendapat kebanyakan kajian ini mempunyai tumpuan yang berbeza, sama ada menekankan tanggapan umum kepada tingkah laku luaran dan dalaman atau secara khusus menyelidik komponen tertentu seperti agresif, dan penyalahgunaan bahan (Asanjarani & Arslan, 2021). Faktor tercetusnya masalah tingkah laku dalaman dan luaran pada hari ini dalam kalangan pelajar adalah akibat daripada kegagalan institusi keluarga yang berfungsi dengan baik. Kajian oleh Saunders et. al., (2022) menunjukkan bahawa faktor keluarga seperti perhubungan ibu bapa dan pelajar memainkan peranan penting dalam meningkatkan atau mengurangkan masalah tingkah laku. Beberapa penyelidikan yang telah dijalankan di Amerika Syarikat mengesahkan bahawa terdapat hubungan antara perhubungan

ibubapa dengan aktiviti salah laku dalam kalangan pelajar (Cruwys et al., 2022) dan perpaduan keluarga yang rendah serta konflik ibu bapa dengan anak (Yıldırım, & Güler, 2022). Tambahan pula, sosialisasi rakan sebaya juga merupakan faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku. Sehubungan itu, pengaruh rakan sebaya telah terbukti mempunyai pengaruh yang besar terhadap kecenderungan tingkah laku pelajar secara positif atau negatif. Sebagai contoh, kajian lepas telah menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya adalah berkaitan dengan tingkah laku ponteng (Wagle et. al., 2021). Berpandukan beberapa kajian, bukti mengenai proses sosialisasi telah ditemui apabila merujuk kepada pengaruh langsung kumpulan rakan sebaya yang menyimpang terhadap tingkah laku *asosial* pelajar (Cruwys et al., 2022; Furlong et al., 2021). Tingkah laku dalaman ditakrifkan sebagai gejala yang membawa kepada ketegangan, kegelisahan, dan penderitaan dan merangkumi keimbangan, kemurungan serta gejala fisiologi yang berkaitan (Wagle et. al., 2021). Seterusnya terlibat dalam masalah tingkah laku dalaman yang semakin meningkat (Reitz et al., 2005). Tingkah laku dalaman disifatkan oleh gangguan emosi dan perasaan yang terarah dan terkawal. Tingkah laku ini merupakan masalah dalaman diri yang berlaku sendiri seperti keimbangan, masalah somatik tanpa justifikasi perubatan yang diketahui dan menarik diri dari bersosial atau berhubung dengan orang lain (Achenbach & Rescorla, 2001). Tingkah laku dalaman memberi kesan kepada pembangunan identiti dan kefungsian emosi dan sosial dengan ketara (Crocetti et al., 2009). Pendapat ini disokong oleh penyelidik lain di mana mereka menyatakan tingkah laku dalaman termasuk keimbangan, kemurungan (Bernstein et al., 1996), masalah somatik (Egger et al., 1999; Taylor et al., 1996), dan tingkah laku menarik diri.

Kebimbangan adalah antara masalah psikologi atau dalaman utama yang berlaku terhadap pelajar (Costello et al., 2003). Malah masalah dalaman ini berlaku bersama-sama dengan gangguan diagnosis atau subklinikal. Terdapat pelbagai gejala kemurungan antaranya emosi yang tertekan, kehilangan minat dan keseronokan dalam aktiviti harian, kehilangan keyakinan diri dan kesukaran tidur (American Psychological Association, 2013). Gejala-gejala ini juga sangat lazim dalam kalangan pelajar dan dikaitkan dengan pelbagai masalah negatif termasuk psikopatologi dewasa, tingkah laku bunuh diri, masalah kesihatan fizikal (Thapar et al., 2012), dan kesukaran interpersonal (Vujeva & Furman 2011). Terdapat kajian awal oleh Lim & Shim (2016) yang telah menyatakan bahawa gangguan keimbangan mendahului kemurungan pada usia pelajar. Pada masa yang sama, kemurungan juga mendahului keimbangan ketika usia pelajar (Cummings et al., 2014). Kebimbangan yang melampaui dicirikan oleh ketakutan yang menonjol apabila seseorang itu berada dalam situasi sosial yang tidak disenangi (American Psychological Association, 2013). Individu yang mempunyai keimbangan yang melampaui sangat bimbang kerana mereka akan berkelakuan dengan cara tertentu seperti menjerit atau menunjukkan kemarahan seterusnya menimbulkan penilaian negatif oleh orang lain. Oleh itu, pelajar yang mempunyai gangguan keimbangan yang melampaui sentiasa mengelak diri daripada terlibat dalam situasi sosial untuk mengurangkan ketakutan atau keimbangan. Kebimbangan yang melampaui adalah perkara biasa kepada pelajar (Alfano & Beidel, 2011), berterusan sepanjang masa dan di luar pemikiran pelajar (Kessler et al., 2012) dan menjelaskan kesejahteraan pelajar, hubungan interpersonal, serta prestasi akademik. Beberapa pengkaji telah menemui hubungan yang konsisten antara kesan negatif, peraturan emosi dan masalah dalaman (Eisenberg et al., 2005). Contohnya, ketakutan dan keadaan yang cemas adalah perkara utama kepada masalah keimbangan (Cannon & Weems, 2006), dan pelajar yang mempunyai masalah keimbangan mempunyai kemampuan yang minimum untuk mengawal dan memahami emosi.

Tingkah laku mengenai penarikan sosial oleh pelajar lazimnya melibatkan rasa malu, suka termenung, merajuk dan kerap bersedih (Kessler et al., 2012). Menarik diri dari situasi sosial bermaksud individu yang terlalu segan dan takut untuk berhadapan dengan orang lain dan melibatkan diri dengan situasi sosial. Sebagai contoh, sengaja mengelakkan diri dari bermain dengan pelajar lain di sekolah. Mereka juga suka mengasingkan diri, selalu sedih, terlalu pemalu, lebih berfokus kepada ketakutan dan fantasi. Keadaan ini jarang disedari oleh guru kerana ianya tidak mengganggu orang lain tetapi ianya menjelaskan pembelajaran dan perhubungan sosial yang normal. Tingkah laku menarik diri berkorelasi dengan masalah keimbangan dan kemurungan. Menurut Hofstra et al., (2001), ibu bapa yang sering melaporkan tentang tingkah laku menarik diri merupakan petunjuk penting untuk pelajar tersebut tidak berfungsi ketika dewasa kelak. Pelajar digambarkan sebagai “malu” pada beberapa titik masa menunjukkan peningkatan masalah keimbangan pada usia pertengahan pelajar. Kajian ini disokong lagi oleh kajian makmal tentang perencatan tingkah laku. Perencatan tingkah laku (dicirikan oleh pemalu, tingkah laku yang menghalang, dan ketakutan dalam suasana baharu) terdapat pada kira-kira 10 hingga 15 % kanak-kanak. Pelajar yang dihalang tingkah lakunya mempunyai kadar yang lebih tinggi gangguan keimbangan (Biederman et al., 2001), dan berisiko tinggi untuk bertingkah laku penarikan sosial di alam pelajar (Hayward et al., 1998). Masalah somatik secara subjektifnya adalah gejala fizikal seperti sakit kepala, sakit perut, atau sakit otot. Terdapat pelbagai faktor sosio-emosi yang dikaitkan dengan masalah somatik dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah rendah termasuk tekanan dan kebolehan untuk mengatasi. Pelajar dengan penyakit kronik mungkin mempunyai kemahiran yang lemah bagi mengatasi masalah somatik. Ciri-ciri personaliti dan gangguan pada tahun pertama kehidupan dikaitkan dengan perkembangan gejala somatik pelajar (Ramchandani et al., 2006). Pelajar yang mengalami gangguan psikologi, seperti keimbangan dan tekanan selepas trauma, mungkin melaporkan masalah somatik. Ini juga berlaku untuk individu yang mengalami gangguan kemurungan (Bohman et al., 2010; Paulhus & Williams, 2002). Majoriti satu perempat daripada pelajar sekolah yang melaporkan masalah somatik juga mempunyai masalah kesihatan mental yang lain (Dhossche et al., 2001).

Berdasarkan kajian terhadap 800 kanak-kanak Finland, mereka yang mempunyai sejarah melaporkan masalah somatik pada usia 3 tahun lebih berkemungkinan mempunyai masalah tingkah laku dalaman dan luaran pada usia 12 tahun (Pihlakoski et al., 2006). Pelajar yang melaporkan mengalami masalah somatik di antara enam hingga sembilan kali lebih berkemungkinan mengalami masalah somatik ketika dewasa (Dhossche et al., 2001). Terdapat banyak sumber tekanan untuk pelajar bandar termasuk pencapaian sekolah yang rendah, hubungan rakan sebaya yang lemah, ketidakfungsian keluarga, kelemahan ekonomi dan keganasan komuniti. Masalah somatik cenderung berlaku bersama dengan gejala dalaman dan luaran. Terdapat kajian lepas terhadap pelajar Itali mendapati bahawa laporan pelajar tentang sokongan rakan sebaya dikaitkan secara negatif dengan masalah somatik manakala penganiayaan oleh rakan sebaya dikaitkan secara positif dengan masalah somatik. Kajian lain mendapati bahawa pelajar yang diabaikan oleh rakan sebaya mereka dilaporkan berada di tahap keimbangan sosial yang tinggi (Jellesma et al., 2008). Kebimbangan sosial dikaitkan secara positif dengan masalah somatik, walaupun lebih setahun kemudian (Jellesma et al., 2008). Ini adalah salah satu daripada beberapa kajian yang memberi tumpuan kepada penilaian rakan sebaya, keluarga, dan tekanan berdasarkan komuniti dan masalah somatik di persekitaran bandar. Pelajar yang sering terdedah dengan trauma dikaitkan dengan tingkah laku penyakit, seperti masalah somatik dan mendapatkan rawatan perubatan. Masalah dalaman ini seringkali terjadi (Epkins & Heckler, 2011) dan telah dikaitkan dengan kemerosotan prestasi akademik, perhubungan sosial yang lemah, dan ketidakpuasan dalam kehidupan. Walaupun masalah dalaman ini diwakili oleh keimbangan yang melampaui, penarikan

social, dan masalah somatik, tetapi pengetahuan tentang punca dan perkembangan masalah dalaman ini menular harus difahami dengan baik. Analisa ketiga-tiga gejala secara serentak akan memberikan gambaran mengenai hubungan unik antara satu sama lain. Gambaran ini dapat menambahbaikkan model teoritikal mengenai perkembangan tingkah laku dalaman dan dapat meningkatkan intervensi yang bertujuan untuk mengatasi masalah tingkah laku dalaman pelajar. Masalah tingkah laku dalaman yang melibatkan pelajar menyebabkan risiko kemurungan dan masalah gangguan psikiatri yang lain ketika umur peralihan dewasa. Oleh itu, aspek perlindungan dalam mencegah penularan masalah tingkah laku dalaman sangat penting. Intervensi awal haruslah dilaksanakan untuk mencegah masalah tingkah laku dalaman pelajar menjadi lebih kronik.

Beberapa pengkaji lampau telah menjelaskan konsep masalah tingkah laku luaran dalam pelbagai dimensi. Secara umumnya, masalah tingkah laku luaran merujuk kepada tingkah laku bermasalah seperti delinkuensi dan agresif yang dipamerkan oleh individu secara luaran sekaligus menjelaskan aspek persekitaran (Campbell et al., 2000). Masalah tingkah laku luaran terbahagi kepada tingkah laku agresif seperti memukul dan mengganggu individu lain, serta agresif lisan seperti mencaci dan mengancam individu lain. Sebagai contoh permasalahan buli di sekolah sering dikaitkan dengan tingkah laku luaran yang mengganggu kesihatan mental dan kefungsian pelajar. Buli ialah satu bentuk tingkah laku agresif yang dicirikan oleh ciri-ciri tertentu termasuk kesengajaan, beberapa pengulangan, dan hubungan kuasa yang tidak simetri (Olweus, 2013), dan merupakan satu konstruk yang merangkumi pengalaman penganiayaan dan pelakuan dibuli dan membuli orang lain (Thomas et al., 2019). Kajian menunjukkan bahawa golongan pelajar lelaki mempunyai penglibatan dalam kes buli yang lebih tinggi serta mengalami tingkah laku dalaman dan luaran yang lebih besar, serta tahap fungsi sosial dan akademik yang lebih rendah. Golongan pelajar yang menjadi mangsa mengalami masalah dalaman dan luaran yang lebih besar, seperti somatik, kemurungan, tingkah laku bunuh diri, masalah tingkah laku, dan kefungsian sekolah yang lebih lemah berbanding mereka yang tidak menjadi mangsa (Arslan et al., 2020). Beberapa bukti juga menunjukkan bahawa kumpulan pelajar di Turki yang memiliki kadar gejala dalaman yang rendah dan kesejahteraan psikologi yang baik melaporkan tahap penganiayaan dan pelakuan yang lebih rendah daripada golongan yang bermasalah iaitu, gejala dalaman yang tinggi dan kesejahteraan yang rendah.

Sedangkan contoh permasalahan buli di sekolah sering dikaitkan dengan tingkah laku luaran yang mengganggu kesihatan mental dan kefungsian pelajar (Arslan et al., 2020). Buli ialah satu bentuk tingkah laku agresif yang dicirikan oleh ciri-ciri tertentu termasuk kesengajaan, beberapa pengulangan, dan hubungan kuasa yang tidak simetri (Olweus, 2013), dan merupakan satu konstruk yang merangkumi pengalaman penganiayaan dan pelakuan dibuli dan membuli orang lain (Thomas et al., 2019). Kajian menunjukkan bahawa golongan pelajar lelaki mempunyai penglibatan dalam kes buli yang lebih tinggi (Olweus, 2013) serta mengalami tingkah laku dalaman dan luaran yang lebih besar, serta tahap fungsi sosial dan akademik yang lebih rendah. Golongan pelajar yang menjadi mangsa mengalami masalah dalaman dan luaran yang lebih besar, seperti somatik, kemurungan, tingkah laku bunuh diri, masalah tingkah laku, dan kefungsian sekolah yang lebih lemah berbanding mereka yang tidak menjadi mangsa (Arslan et al., 2020b; van Geel et al., 2021). Beberapa bukti juga menunjukkan bahawa kumpulan pelajar di Turki yang memiliki kadar gejala dalaman yang rendah dan kesejahteraan psikologi yang baik melaporkan tahap penganiayaan dan pelakuan yang lebih rendah daripada golongan yang bermasalah iaitu, gejala dalaman yang tinggi dan kesejahteraan yang rendah (Arslan & Allen, 2020). Seperti contoh, kes buli di sekolah merangkumi interaksi sosial yang mungkin menghalang hubungan pelajar dengan rakan sebaya dan perasaan kepunyaan sekolah (Huang, 2020).

#### ■ 4.0 METODOLOGI

Kajian ini adalah suatu kajian deskriptif dan korelasi yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk survei. Kajian ini hanya dijalankan di negeri Selangor melalui empat daerah yang telah dipilih secara rawak daripada sepuluh buah daerah iaitu daerah Hulu Langat, Sepang, Sabak Bernam dan Petaling Utama. Manakala skop responden kajian pula hanya tertumpu kepada pelajar tingkatan dua dan empat sahaja melalui persampelan teknik kelompok pelbagai-peringkat (*multistage cluster sampling technique*). Jumlah lapan buah sekolah ini ditentukan berdasarkan jumlah populasi keseluruhan kajian iaitu 400 pelajar. Penentuan saiz sampel ini adalah berasaskan kaedah yang digunakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Bilangan pelajar setiap sekolah ditentukan secara nisbah bilangan pelajar dengan jumlah keseluruhan pelajar di lapan buah sekolah yang telah terpilih. Jumlah pelajar di setiap sekolah adalah seperti dalam Jadual 1

**Jadual 1:** Senarai sekolah dan bilangan responden (N=400)

No	Senarai Sekolah	Jumlah Responden
1.	SMK Taman Medan (Petaling Utama)	37
2.	SMK Dato' Harun (Petaling Utama)	47
3.	SMK Bandar Baru Salak Tinggi (Sepang)	68
4.	SMK Seri Sepang (Sepang)	65
5.	SMK Jalan Tiga (Hulu Langat)	66
6.	SMK Bandar Baru Bangi (Hulu langat)	66
7.	SMK Munshi Abdullah (Sabak Bernam)	26
8.	SMK Bagan Terap (Sabak Bernam)	25
<b>Jumlah</b>		<b>400</b>

Analisis regresi berganda (prosedur ‘stepwise’) digunakan untuk mencapai objektif keempat kajian ini iaitu untuk menentukan faktor penentu unik terhadap tingkah laku dalaman dan luaran dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Metod ‘stepwise’ ditadbir untuk menganalisa sumbangan bagi setiap pemboleh ubah bebas ke atas pemboleh ubah bersandar di dalam model regresi. Metod ini juga adalah pendekatan berurutan paling popular untuk pemilihan pemboleh ubah di mana peramal yang dimasukkan ke dalam model adalah berdasarkan kepada kriteria matematik semata-mata. Ini bermakna, pemboleh ubah bebas dengan sumbangan terbesar dimasukkan dahulu, diikuti dengan pemboleh ubah bebas lain berdasarkan peningkatan sumbangan ke atas pemboleh ubah yang sedia ada dalam persamaan.

Model terakhir mengandungi hanya pemboleh ubah yang secara signifikan menyumbang kepada ramalan bagi pemboleh ubah bersandar yang disasarkan pada tahap signifikan 0.05 atau kurang. Kajian ini telah memenuhi andaian analisis regresi berganda.

## ■ 5.0 DAPATAN KAJIAN

### *Menentukan faktor penentu unik bagi keimbangan*

Keputusan yang dipaparkan menunjukkan rumusan model-model analisis regresi ‘stepwise’ bagi tingkah laku. Jadual tersebut mengandungi informasi tentang pemboleh ubah yang diramalkan dapat memberi sumbangan yang signifikan, susunan di mana pemboleh ubah memasuki persamaan dan jumlah varians ( $R^2$ ). Bagi menguji pengaruh tersebut, hipotesis telah dibina seperti berikut:

- H<sub>a1</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal (jantina, bilangan adik beradik, pendapatan isi rumah, hubungan antara pelajar, hubungan guru dan pelajar, persekitaran sekolah, sokongan sosial, dan konsep kendiri) dengan tingkah laku (keimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan)
- H<sub>a1a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal dengan keimbangan.
- H<sub>a1b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal dengan menarik diri.
- H<sub>a1c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal dengan masalah somatik.
- H<sub>a1d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal dengan tingkah laku agresif
- H<sub>a1e</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal dengan tingkah laku melanggar peraturan.

Jadual 2 menunjukkan rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ antara pemboleh ubah peramal dengan keimbangan.

**Jadual 2:** Rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ bagi keimbangan

Pemboleh ubah	B	Beta, $\beta$	t	p
Constant	21.13		6.612	.000
Jantina	3.660	.358	6.808	.000
Hubungan Antara Pelajar	-.075	-.172	-3.214	.001
Konsep Kendiri	-.124	-.148	-2.837	.005
R=.405; R <sup>2</sup> = .16				
Adjusted R <sup>2</sup> = .16				
F= 21.066, p<.000				

Keputusan di Jadual 2 menunjukkan terdapat tiga pemboleh ubah peramal yang signifikan dalam mempengaruhi keimbangan iaitu jantina ( $\beta = .358$ ,  $p < .001$ ), hubungan antara pelajar ( $\beta = -.172$ ,  $p < 0.05$ ), dan konsep kendiri ( $\beta = -.148$ ,  $p < 0.05$ ). Nilai R<sup>2</sup> iaitu 0.16 menunjukkan bahawa 16% varians keimbangan dijelaskan oleh tiga pemboleh ubah peramal tersebut [ $F(21.066, p < 0.01)$ ; Cohen’s  $f^2 = 0.16$ . Justeru, hipotesis H<sub>a1a</sub> adalah diterima.

### *Menentukan faktor penentu unik bagi menarik diri*

Keputusan yang dipaparkan di Jadual 3 menunjukkan rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ antara pemboleh ubah peramal dengan menarik diri.

**Jadual 3:** Rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ bagi menarik diri

Pemboleh ubah	B	Beta, $\beta$	t	p
Constant	8.526		8.711	.000
Jantina	1.870	.307	6.398	.000
Hubungan Antara Pelajar	-.062	-.250	-5.205	.000
R=.357; R <sup>2</sup> = .13				
Adjusted R <sup>2</sup> = .12				
F= 28.711, p<.000				

Rumusan model dalam Jadual 3 menunjukkan dua pemboleh ubah peramal yang menyumbang kepada variasi menarik diri adalah jantina ( $\beta = .307$ ,  $p < 0.01$ ), dan hubungan antara pelajar ( $\beta = -.062$ ,  $p < 0.01$ ). Nilai R<sup>2</sup> iaitu 0.13 menunjukkan bahawa 13% varians menarik diri dijelaskan oleh dua pemboleh ubah peramal tersebut [ $F(28.711, p < 0.01)$ ; Cohen’s  $f^2 = 0.13$ . Justeru, hipotesis H<sub>a1b</sub> adalah diterima. Jantina adalah pemboleh ubah paling penting yang mempengaruhi tingkah laku menarik diri kerana mempunyai nilai  $\beta$  paling tinggi, diikuti hubungan antara pelajar.

### *Menentukan faktor penentu unik bagi masalah somatik*

Keputusan yang dipaparkan di Jadual 4 menunjukkan rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ antara pemboleh ubah peramal dengan masalah somatik.

**Jadual Error! No text of specified style in document.: Rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ bagi masalah somatik**

Pemboleh ubah	B	Beta, $\beta$	t	p
Constant	9.930		4.977	.000
Jantina	1.283	.203	3.755	.000

Konsep Kendiri	.102	-.196	-3.747	.000
Pendapatan Isi Rumah	-.470	-.113	-2.097	.037
R <sup>2</sup> =.326; R <sup>2</sup> adj=.11				
Adjusted R <sup>2</sup> =.098				
F=12.953, p<.000				

Rumusan model dalam Jadual 4 menunjukkan tiga pemboleh ubah peramal yang menyumbang kepada variasi masalah somatik iaitu jantina ( $\beta = .203$ ,  $p < 0.01$ ), konsep kendiri ( $\beta = -.196$ ,  $p < 0.01$ ), dan pendapatan isi rumah ( $\beta = -.113$ ,  $p < 0.05$ ). Nilai R<sup>2</sup> iaitu 0.11 menunjukkan bahawa 11% varians masalah somatik dijelaskan oleh tiga pemboleh ubah peramal tersebut [ $F(12.953, p < 0.01)$ ; Cohen's  $f^2 = 0.11$ . Jantina adalah pemboleh ubah paling penting yang mempengaruhi masalah somatik kerana mempunyai nilai  $\beta$  paling tinggi diikuti oleh konsep kendiri, dan seterusnya pendapatan isi rumah. Oleh itu, Hipotesis H<sub>a1c</sub> adalah diterima.

#### Menentukan faktor penentu unik bagi tingkah laku agresif

Keputusan yang dipaparkan di Jadual 5 menunjukkan rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ antara pemboleh ubah peramal dengan tingkah laku agresif.

Jadual 5: Rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ bagi tingkah laku agresif

Pemboleh ubah	B	Beta, $\beta$	t	p
Constant	26.450		8.871	.000
Konsep Kendiri	-.155	-.182	-3.569	.000
Jantina	1.553	.142	2.950	.003
Guru dan pelajar	-.048	-.126	-2.460	.014
R=.300; R <sup>2</sup> =.090				
Adjusted R <sup>2</sup> =.083				
F= 12.997, p<.000				

Rumusan model dalam Jadual 5 menunjukkan tiga pemboleh ubah peramal yang menyumbang kepada variasi tingkah laku agresif adalah konsep kendiri ( $\beta = -.182$ ,  $p < 0.01$ ), jantina ( $\beta = .142$ ,  $p < 0.05$ ), dan hubungan guru dan pelajar ( $\beta = -.126$ ,  $p < 0.05$ ). Nilai R<sup>2</sup> iaitu 0.09 menunjukkan bahawa 9% varians tingkah laku agresif dijelaskan oleh tiga pemboleh ubah peramal tersebut [ $F(12.997, p < 0.01)$ ; Cohen's  $f^2 = 0.09$ . Konsep kendiri adalah pemboleh ubah paling penting yang mempengaruhi tingkah laku agresif kerana mempunyai nilai  $\beta$  paling tinggi, diikuti oleh jantina dan hubungan guru dengan pelajar. Justeru, hipotesis H<sub>a1d</sub> diterima.

#### Menentukan faktor penentu unik bagi tingkah laku melanggar peraturan

Keputusan yang dipaparkan di Jadual 6 menunjukkan rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ antara pemboleh ubah peramal dengan tingkah laku melanggar peraturan.

Jadual 6: Rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ bagi tingkah laku melanggar peraturan

Pemboleh ubah	B	Beta, $\beta$	t	P
Constant	12.626		8.155	.000
Konsep Kendiri	-.081	-.183	-3.706	.000
Jantina	-.587	-.103	-2.084	.038
R=.207; R <sup>2</sup> =.043				
Adjusted R <sup>2</sup> =.038				
F= 8.827, p<.000				

Jadual 6 memaparkan keputusan model regresi bagi tingkah laku melanggar peraturan. Terdapat dua pemboleh ubah peramal yang menyumbang kepada tingkah laku melanggar peraturan iaitu konsep kendiri ( $\beta = -.183$ ,  $p < 0.01$ ), dan jantina ( $\beta = -.103$ ,  $p < 0.05$ ) dan. Nilai R<sup>2</sup> iaitu 0.04 menunjukkan bahawa 4% varians tingkah laku melanggar peraturan dijelaskan oleh dua pemboleh ubah peramal tersebut [ $F(8.827, p < 0.01)$ ; Cohen's  $f^2 = 0.04$ . Konsep kendiri adalah pemboleh ubah paling utama yang mempengaruhi tingkah laku melanggar peraturan. Oleh itu, hipotesis H<sub>a1e</sub> adalah diterima.

## ■ 6.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Skop terhadap tajuk penyelidikan yang menyentuh tentang faktor sekolah, konsep kendiri, serta tingkah laku merupakan sub topik dalam bidang psikologi sosial menjadi tumpuan utama di dalam kajian ini. Kajian ini adalah suatu kajian deskriptif dan korelasi yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk tinjauan. Kajian ini hanya dijalankan di negeri Selangor melalui empat daerah yang telah dipilih secara rawak daripada sepuluh buah daerah iaitu daerah Hulu Langat, Sepang, Sabak Bernam dan Petaling Utama. Manakala skop responden kajian pula hanya tertumpu kepada pelajar tingkatan dua dan empat sahaja melalui persampelan teknik kelompok pelbagai-peringkat (*multistage cluster sampling technique*).

Kajian mendapati hanya kebimbangan dan masalah somatik sahaja yang mempunyai hubungan negatif secara signifikan berdasarkan pendapatan isi rumah. Dapatkan menunjukkan, semakin rendah pendapatan isi rumah, semakin tinggi masalah kebimbangan dan masalah somatik dalam kalangan pelajar. Seterusnya, kajian mendapati, terdapat hubungan positif secara signifikan bagi faktor bilangan adik beradik dengan tingkah laku agresif. Dapatkan ini menunjukkan semakin ramai bilangan adik beradik, semakin tinggi pelajar

yang bertingkah laku agresif. Keadaan ini bertepatan dengan kajian (Olweus, 2013) di mana pelajar lelaki mempunyai penglibatan dalam kes buli yang lebih tinggi serta mengalami tingkah laku dalam dan luaran yang lebih besar, serta tahap fungsi sosial, interaksi adik beradik yang rendah, serta prestasi akademik yang kurang memuaskan. Selain itu, kajian turut dijalankan bagi melihat hubungan di antara faktor sekolah dengan konsep kendiri. Hasil kajian mendapat bahawa, keempat-empat subskala bagi faktor sekolah iaitu hubungan antara pelajar dengan pelajar, hubungan antara guru dengan pelajar, persekitaran sekolah, dan sokongan sosial mempunyai hubungan positif secara signifikan dengan konsep kendiri. Dapatkan menunjukkan semakin tinggi hubungan antara pelajar dengan pelajar, hubungan antara guru dengan pelajar, persekitaran sekolah, dan sokongan sosial, semakin tinggi konsep kendiri dalam kalangan pelajar. Tanpa budaya dan iklim sekolah yang positif maka akan berlakunya pengasingan sosial khususnya dalam kalangan pelajar seperti penyisihan rakan-rakan, pergolakan emosi, dan sebagainya serta memberi kesan kepada konsep kendiri yang baik (Arslan, 2019). Hasil kajian terhadap konsep kendiri mendapat bahawa terdapat hubungan yang negatif secara signifikan dengan kesemua subskala tingkah laku dalam dan luaran iaitu kebimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan. Ini menunjukkan, semakin rendah konsep kendiri pelajar, semakin tinggi masalah kebimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan dalam kalangan pelajar.. Kekurangan sokongan ibu bapa, tingkah laku agresif dan pengasingan oleh rakan sebaya menyumbang kepada konsep kendiri yang rendah dan akibatnya timbul masalah tingkah laku negatif (Asanjarani & Arslan, 2021).

Seterusnya, hasil kajian bagi melihat hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah memaparkan bahawa terdapat hubungan negatif secara signifikan antara hubungan pelajar dan pelajar, hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah dengan kebimbangan. Ini menunjukkan bahawa semakin rendah hubungan pelajar dan pelajar, hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah, semakin tinggi masalah kebimbangan dalam kalangan pelajar. Kajian seterusnya adalah terdapat hubungan negatif secara signifikan bagi keempat-empat subskala di dalam faktor sekolah iaitu hubungan pelajar dan pelajar, hubungan guru dan pelajar, persekitaran sekolah, serta sokongan sosial dengan menarik diri. Dapatkan menunjukkan semakin rendah hubungan pelajar dan pelajar, hubungan guru dan pelajar, persekitaran sekolah, serta sokongan sosial, maka semakin tinggi masalah menarik diri yang dihadapi dalam kalangan pelajar. Situasi persepsi ditolak dan menarik diri oleh remaja ini dipengaruhi oleh hubungan interpersonal, khususnya rakan sebaya dan guru, di sekolah (Arslan, 2021). Pelajar yang diasingkan secara sosial tidak merasa sebagai sebahagian daripada kumpulan sosial, dan mereka tidak dapat menganggap diri mereka sebagai orang yang penting dan berharga dalam komuniti sekolah. Individu yang diasingkan secara sosial adalah sebagai contoh, lebih berkemungkinan mengalami kesunyian, kemurungan, kebimbangan, dan harga diri yang rendah (Arslan, 2021; Buyukcebeci & Deniz, 2017). Bagi tingkah laku agresif pula, didapat bahawa terdapat hubungan negatif secara signifikan dengan hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah. Ini menunjukkan bahawa semakin rendah hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah, semakin tinggi pelajar yang bertingkah laku agresif. Begitu juga dengan tingkah laku melanggar peraturan, di mana hasil kajian mendapat terdapat hubungan negatif secara signifikan dengan hubungan pelajar dan pelajar, hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah. Dapatkan menunjukkan semakin rendah hubungan antara pelajar, hubungan guru dan pelajar, serta persekitaran sekolah, semakin tinggi pelajar yang bertingkah laku melanggar peraturan. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tidak semua boleh ubah mempunyai hubungan yang signifikan bagi tingkah laku dalam dan luaran dalam kalangan pelajar. Hanya bilangan adik beradik dengan tingkah laku agresif serta konsep kendiri dengan faktor sekolah sahaja yang mempunyai hubungan positif secara signifikan, manakala boleh ubah yang lain mempunyai hubungan negatif secara signifikan. Budaya dan iklim sekolah yang positif merangkumi semangat sekolah yang jitu serta mempunyai konsep kendiri yang positif dalam kalangan pelajar (Bawuro et al., 2019).

Kesimpulannya, program intervensi khusus perlu dilaksanakan melibatkan intervensi bersama ibu bapa atau penjaga, kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), pemantapan sahsiah pelajar, jenis dendaan dan cara teguran yang diberikan kepada pelajar. Solusi ini wajar dilihat dalam konteks fenomena masalah sosial remaja ketika ini. Kerjasama ini seharusnya konsisten oleh semua pihak yang bertanggungjawab supaya dapat melahirkan generasi yang bijak dengan akhlak terpuji. Akhir sekali, penyelidik berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada sekolah, ibu bapa, dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi ponteng sekolah dalam kalangan remaja. Kepentingan kajian ini juga berupaya melibatkan pelajar dalam dasar, undang-undang, dan proses program nasional berkaitan kesejahteraan pelajar melalui mekanisme formal dan tidak formal. Budaya sekolah yang positif dapat mewujudkan pola-pola perhubungan manusia yang baik, suasana yang tenteram, keadaan persekitaran sekolah yang bersih, serta dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti keilmuan. Keadaan ini akan dapat melahirkan kesan positif terhadap proses pembelajaran dan penghayatan nilai murni. Melalui kajian ini, konsep kendiri positif dapat diterapkan kepada pelajar yang kurang keyakinan diri dan rasa diri mereka diabaikan samada oleh keluarga atau pun rakan sebaya mahupun guru-guru di sekolah. Justeru, aspirasi pelajar berkenaan pengaruh budaya dan iklim sekolah dapat dirungkai dan diadaptasi oleh pentadbir sekolah dalam mewujudkan sistem sekolah yang bersesuaian selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu melahirkan insan yang berilmu, berakhhlak mulia dan bertanggungjawab serta menjadi seorang warganegara yang baik.

## Penghargaan

Kertas kerja ini dan penyelidikan di sebaliknya tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan luar biasa daripada penyelia, rakan sekerja dan keluarga saya.

## Rujukan

- Achenbach, T. M., & Edelbrock, C. (1991). Child behavior checklist. *Burlington (Vt)*, 7, 371-392.
- Achenbach, T. M., & Rescorla, L. A. (2001). *Child behavior checklist for ages 6-18* (pp. 6-1). Burlington, VT: University of Vermont.
- Allen-Mearns, P. (2007). Cultural competence: An ethical requirement. *Journal of Ethnic & Cultural Diversity in Social Work*, 16(3-4), 83-92.
- American Psychological Association. (2013). Specialty guidelines for forensic psychology. *The American Psychologist*, 68(1), 7-19.
- Arslan, G., & Allen, K. A. (2022). Exploring the association between coronavirus stress, meaning in life, psychological flexibility, and subjective well-being. *Psychology, Health & Medicine*, 27(4), 803-814.
- Asanjarani, F., Arslan, G., Alqashan, H. F., & Sadeghi, P. (2022). Coronavirus stress and adolescents' internalizing problems: exploring the effect of optimism and pessimism. *Vulnerable children and youth studies*, 17(3), 281-288.

- Bawuro, F. A., Shamsuddin, A. L. I. N. A., Wahab, E., Adenuga, K. I., & Ndagh, J. T. (2019). Motivational mechanisms on teachers' innovative behaviour-a systematic review approach. *Journal of Critical Reviews*, 7(6), 239-245.
- Beidel, D. C., & Alfano, C. A. (2011). *Child anxiety disorders: A guide to research and treatment*. Taylor & Francis.
- Biederman, J., Hirshfeld-Becker, D. R., Rosenbaum, J. F., Hérot, C., Friedman, D., Snidman, N., ... & Faraone, S. V. (2001). Further evidence of association between behavioral inhibition and social anxiety in children. *American journal of Psychiatry*, 158(10), 1673-1679.
- Bohman, H., Jonsson, U., Von Knorring, A. L., Von Knorring, L., Päären, A., & Olsson, G. (2010). Somatic symptoms as a marker for severity in adolescent depression. *Acta Paediatrica*, 99(11), 1724-1730.
- Campbell, M., Fitzpatrick, R., Haines, A., Kinmonth, A. L., Sandercock, P., Spiegelhalter, D., & Tyrer, P. (2000). Framework for design and evaluation of complex interventions to improve health. *Bmj*, 321(7262), 694-696.
- Cannon, M. F., & Weems, C. F. (2006). Do anxiety and depression cluster into distinct groups? A test of tripartite model predictions in a community sample of youth. *Depression and Anxiety*, 23(8), 453-460.
- Costello, E. J., Mustillo, S., Erkanli, A., Keeler, G., & Angold, A. (2003). Prevalence and development of psychiatric disorders in childhood and adolescence. *Archives of general psychiatry*, 60(8), 837-844.
- Cruwys, T., Fong, P., Evans, O., Batterham, P., & Calear, A. L. (2022). Boosting neighborhood identification to benefit wellbeing: Evidence from diverse community samples. *Journal of Environmental Psychology*, 81, 101816.
- Cummings, C. M., Caporino, N. E., & Kendall, P. C. (2014). Comorbidity of anxiety and depression in children and adolescents: 20 years after. *Psychological bulletin*, 140(3), 816.
- Dhossche, D., Ferdinand, R., van der Ende, J., & Verhulst, F. (2001). Outcome of self-reported functional-somatic symptoms in a community sample of adolescents. *Annals of Clinical Psychiatry*, 13(4), 191-199.
- Eisenberg, N., Zhou, Q., Spinrad, T. L., Valiente, C., Fabes, R. A., & Liew, J. (2005). Relations among positive parenting, children's effortful control, and externalizing problems: A three-wave longitudinal study. *Child development*, 76(5), 1055-1071.
- Epkins, C. C., & Heckler, D. R. (2011). Integrating etiological models of social anxiety and depression in youth: Evidence for a cumulative interpersonal risk model. *Clinical child and family psychology review*, 14, 329-376.
- Furlong, M., McGilloway, S., Mulligan, C., Killion, M. G., McGarr, S., Grant, A., ... & Donaghy, M. (2021). Covid-19 and families with parental mental illness: crisis and opportunity. *Frontiers in psychiatry*, 12, 567447.
- Hayward, C., Killen, J. D., Kraemer, H. C., & Taylor, C. B. (1998). Linking self-reported childhood behavioral inhibition to adolescent social phobia. *Journal of the American Academy of Child & Adolescent Psychiatry*, 37(12), 1308-1316.
- Hofstra, M. B., Van Der Ende, J. A. N., & Verhulst, F. C. (2001). Adolescents' self-reported problems as predictors of psychopathology in adulthood: 10-year follow-up study. *The British Journal of Psychiatry*, 179(3), 203-209.
- Howard, M. O., Allen-Meares, P., & Ruffolo, M. C. (2007). Teaching evidence-based practice: Strategic and pedagogical recommendations for schools of social work. *Research on Social Work Practice*, 17(5), 561-568.
- Huitt, W. (2004). Self-concept and self-esteem. *Educational psychology interactive*, 1, 1-5.
- Jellesma, F. C., Rieffe, C., Terwogt, M. M., & Westenberg, P. M. (2008). Do parents reinforce somatic complaints in their children? *Health Psychology*, 27(2), 280.
- Kaplan, K. A., & Harvey, A. G. (2013). Behavioral treatment of insomnia in bipolar disorder. *American Journal of Psychiatry*, 170(7), 716-720.
- Kaur, N., Sulaiman, S. S., Hamid, H. A., Ghazali, N., Radzi, A. H. M., & Sani, Y. S. A. (2022). The extent of media influence on the body image of Malaysian emerging adults. *Int J Asian Soc Sci*, 12, 43-54.
- Kessler, R. C., Petukhova, M., Sampson, N. A., Zaslavsky, A. M., & Wittchen, H. U. (2012). Twelve-month and lifetime prevalence and lifetime morbid risk of anxiety and mood disorders in the United States. *International journal of methods in psychiatric research*, 21(3), 169-184.
- Lim, S., & Shim, H. (2016). Who multitasks on smartphones? Smartphone multitaskers' motivations and personality traits. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 19(3), 223-227.
- Loeber, R., & Hay, D. (1997). Key issues in the development of aggression and violence from childhood to early adulthood. *Annual review of psychology*, 48(1), 371-410.
- Malaysia, K. P. (2012). Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. *Edisi Pelancaran Kuala Lumpur*.
- Olweus, D. (2013). School bullying: Development and some important challenges. *Annual review of clinical psychology*, 9, 751-780.
- Paulhus, D. L., & Williams, K. M. (2002). The dark triad of personality: Narcissism, Machiavellianism, and psychopathy. *Journal of research in personality*, 36(6), 556-563.
- Pihlakoski, L., Sourander, A., Aromaa, M., Rautava, P., Helenius, H., & Sillanpää, M. (2006). The continuity of psychopathology from early childhood to preadolescence: a prospective cohort study of 3-12-year-old children. *European child & adolescent psychiatry*, 15, 409-417.
- Ramchandani, P. G., Stein, A., Hotopf, M., Wiles, N. J., & ALSPAC Study Team. (2006). Early parental and child predictors of recurrent abdominal pain at school age: results of a large population-based study. *Journal of the American Academy of Child & Adolescent Psychiatry*, 45(6), 729-736.
- Reitz, E., Deković, M., & Meijer, A. M. (2005). The structure and stability of externalizing and internalizing problem behavior during early adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 34, 577-588.
- Saunders, T. J., Rollo, S., Kuzik, N., Demchenko, I., Bélanger, S., Brisson-Boivin, K., ... & Tremblay, M. S. (2022). International school-related sedentary behavior recommendations for children and youth. *International Journal of Behavioral Nutrition and Physical Activity*, 19(1), 39.
- Stewart, J. R., Lister, A. M., Barnes, I., & Dalén, L. (2010). Refugia revisited: individualistic responses of species in space and time. *Proceedings of the Royal Society B: Biological Sciences*, 277(1682), 661-671.
- Thapar, A., Collishaw, S., Pine, D. S., & Thapar, A. K. (2012). Depression in adolescence. *The lancet*, 379(9820), 1056-1067.
- Veríssimo, D., & Glikman, J. A. (2020). Influencing consumer demand is vital for tackling the illegal wildlife trade. *People and Nature*, 2(4), 872-876.
- Vujeva, H. M., & Furman, W. (2011). Depressive symptoms and romantic relationship qualities from adolescence through emerging adulthood: A longitudinal examination of influences. *Journal of Clinical Child & Adolescent Psychology*, 40(1), 123-135.
- Wagle, R., Dowdy, E., Nylund-Gibson, K., Sharkey, J. D., Carter, D., & Furlong, M. J. (2021). School belonging constellations considering complete mental health in primary schools. *Educational and Developmental Psychologist*, 38(2), 173-185.
- Walker, S. P., Wachs, T. D., Gardner, J. M., Lozoff, B., Wasserman, G. A., Pollitt, E., & Carter, J. A. (2007). Child development: risk factors for adverse outcomes in developing countries. *The lancet*, 369(9556), 145-157.
- Williams, B. K., Nichols, J. D., & Conroy, M. J. (2002). *Analysis and management of animal populations*. Academic press.
- Yıldırım, M., & Güler, A. (2022). COVID-19 severity, self-efficacy, knowledge, preventive behaviors, and mental health in Turkey. *Death studies*, 46(4), 979-986.